



5

**MAJLIS BANDARAYA IPOH**  
**ARAHAN KEWANGAN BIL. 5/2012**

Fail Kami: Bil.(13)dlm.MBI.B1/12/1/11

Jabatan Kewangan  
Majlis Bandaraya Ipoh

19 Mac 2012

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Unit  
Majlis Bandaraya Ipoh.

**PENGEMASKINIAN MAKLUMAT PEROLEHAN YANG DIBUAT SECARA  
RUNDINGAN TERUS**

Dengan hormatnya saya memohon perhatian pihak tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Kewangan telah mengadakan modul perolehan melalui sistem spbt mbi-online di mana semua maklumat perolehan yang dibuat melalui kaedah sebut harga/tender/rundingan terus hendaklah dikunci-masuk ke dalam modul tersebut.

3. Maklumat bagi perolehan tersebut akan dikunci-masuk oleh Bahagian Bekalan dan Perolehan, Jabatan Kewangan bermula dari proses pengeluaran notis dan penjualan borang sebut harga/tender. Walau bagaimanapun, bagi perolehan yang dibuat melalui lantikan secara rundingan terus, tiada maklumat dikemukakan ke Bahagian Bekalan dan Perolehan sebelum lantikan dibuat. Ini telah menyebabkan proses perolehan yang tidak lancar dan melewatkan pengeluaran surat setuju terima.

4. Sehubungan dengan itu, Jabatan Kewangan telah menetapkan supaya semua jabatan yang terlibat mengemukakan maklumat perolehan untuk tindakan jabatan ini selewat-lewatnya tiga hari sebelum dibawa untuk kelulusan mesyuarat.


..2/

5. Kerjasama dan perhatian dari pihak tuan/puan adalah diharapkan untuk memastikan maklumat yang diperlukan dapat dikemaskini.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“INOVASI MEREALISASIKAN TRANSFORMASI”**

Saya yang menurut perintah,



**(MOHD SYAZLAN BIN MOHD ISA SUFFIAN)**  
Pengarah Kewangan Bandaraya